



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
Y.B. DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN MELUKIS DAN MEWARNA
SEMPENA HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2016**

**20 FEB 2016 (SABTU), 12.30 TENGAHARI
DEWAN PERDANA, PICC**

Bismillah Hirrahman Nirrahim...

Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis

**YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan,
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Datuk Seri Adnan bin Haji Mohd Ikshan,
Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg Datuk Seri Haji Mhd Amin Nordin bin Abdul Aziz,
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**YBhg. Datuk Seri Haji Hasim bin Haji Ismail,
Presiden Perbadanan Putrajaya**

**YBhg. Dato' Hajah Nor'Aini binti Abdul Wahab,
Timbalan Ketua Setiausaha, Pengurusan dan Sosio Ekonomi,
Kementerian Wilayah Persekutuan**

**YBhg. Dato' Haji Mohd Sani bin Mistam,
Timbalan Ketua Setiausaha, Perancangan dan Pembangunan
Kementerian Wilayah Persekutuan**

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan serta Swasta,

Para wakil media,

YBhg. Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita pada hari ini dapat berhimpun dalam menjayakan Program Pertandingan Melukis dan Mewarna Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun ini. Tema sambutan Hari Wilayah Tahun 2016 ialah **Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**.
2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas kesudian anak-anak sekalian untuk meluangkan masa menyertai pertandingan melukis dan mewarna anjuran Kementerian Wilayah Persekutuan ini. Terima kasih tidak terhingga juga ingin saya ucapkan kepada ibu bapa, penjaga serta guru-guru yang datang beramai-ramai untuk menemani anak-anak bagi menyertai pertandingan melukis dan mewarna.
3. Terima kasih juga ingin saya rakamkan kerana menjemput saya untuk menyampaikan hadiah bagi pertandingan yang baru sahaja berlangsung pada pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

4. Pelbagai program telah dilaksanakan dan dirancang untuk dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dalam tempoh

sebulan ini sebagai usaha memeriah dan menjayakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang disambut pada 1 Februari setiap tahun bersesuaian dengan tema sambutan pada tahun ini iaitu :

- a. Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan;
- b. Khutbah Jumaat Khas Hari Wilayah Persekutuan;
- c. Majlis Rumah Terbuka Chinese New Year Peringkat Wilayah Persekutuan;
- d. Kenduri 1Wilayah Persekutuan Di Semua 13 Parlimen Seluruh Wilayah Persekutuan;
- e. Program Ilmiah Bersama Ustaz Datuk Kazim Elias;
- f. Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan
- g. Kempen Jom Bayar Saman;
- h. Malam Wilayah Persekutuan Berselawat;
- i. Treasure Hunt Wilayah Persekutuan;
- j. Majlis Khatam Al-Quran Wilayah Persekutuan; dan
- k. Pertandingan Melukis & Mewarna Wilayah Persekutuan

5. Pada hari ini diadakan Pertandingan Melukis dan Mewarna Wilayah Persekutuan yang dibuka penyertaannya kepada pelajar-pelajar sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

6. Pertandingan ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Perbadanan Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Biro Pendidikan Umno Putrajaya, Yayasan Kesejahteraan Bandar (YKB), Balai Seni Visual Negara dan 1M4U.

7. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi mewujudkan budaya pertandingan yang sihat, menaikkan taraf seni di sekolah-sekolah disamping menjalankan silaturrahim diantara pelajar, guru-guru dan urusetia majlis.
8. Aktiviti melukis dan mewarna adalah salah satu aktiviti yang baik dan berfaedah untuk anak-anak. Mereka akan berfikir dan berimaginasi tentang apakah corak dan warna yang akan mereka lakukan dan ini akan meningkatkan daya kreativiti mereka. Bukan itu sahaja, banyak lagi yang mereka belajar dari aktiviti sebegini.
9. Aktiviti ini juga berupaya meningkatkan skil berkomunikasi anak-anak. Ketika mereka melukis atau mewarna, mereka pasti akan berkomunikasi dengan rakan-rakan sekeliling bagi membantunya melaksanakan aktiviti tersebut. Mereka akan menyebut warna yang akan digunakan, atau memberikan idea objek yang akan dilukis. Mereka juga akan bertanya adakah lukisan mereka cantik kepada kita. Itu semua melibatkan skil komunikasi. Nyata sekali aktiviti sebegini merangsang anak-anak untuk berkomunikasi.
10. Saya difahamkan bahawa pertandingan ini melibatkan dua kategori iaitu melukis dan mewarna bagi pelajar berumur 8 hingga 17 tahun yang mana pelajar dikehendaki menghasilkan karya bebas bertemakan Hari Wilayah Persekutuan dan tempat-tempat menarik Wilayah Persekutuan.
11. Manakala Pertandingan Mewarna bendera Wilayah Persekutuan melibatkan anak-anak 7 tahun ke bawah yang mana anak-anak ini

dikehendaki mewarna kertas lukisan bergambar yang mengandungi bendera Wilayah Persekutuan.

12. Hadiah-hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur pertandingan ini sangat lumayan. Selain hadiah kepada pemenang, hadiah lumayan juga diberikan kepada sekolah yang menghantar penyertaan paling ramai sebagai penghargaan di atas sokongan padu.
13. Untuk memeriahkan lagi program ini, hadiah cabutan bertuah juga disediakan. Bagi yang kurang bernasib baik dalam pertandingan, mungkin pula bernasib baik dalam cabutan bertuah.
14. Pertandingan ini mendapat sambutan yang sangat hebat dimana seramai **3000** peserta telah memasuki pertandingan Melukis dan Mewarna manakala seramai **2000** peserta telah memasuki pertandingan mewarna bendera Wilayah Persekutuan.
15. Pihak penganjur mensasarkan supaya program ini dapat direkodkan di dalam *Malaysia Book of Record* sebagai Pertandingan Melukis Dan Mewarna yang mempunyai penyertaan paling ramai.
16. Bagi memeriah dan menceriakan lagi suasana, disamping pertandingan melukis dan mewarna, hadirin boleh melawat kiosk produk dan aktiviti oleh Balai Seni Visual Negara, 1M4U, Yayasan Kesejahteraan Bandar dan kiosk artis yang mempamerkan hasil karya seni mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

17. Harapan saya ialah supaya Pertandingan Melukis dan Mewarna Wilayah Persekutuan pada hari ini dapat mendidik anak-anak untuk mengenali secara lebih dekat Wilayah Persekutuan di samping menyemai nilai dan sikap saling menghormati, bertoleransi dan bantu membantu di antara pelbagai kaum di negara kita khususnya di Wilayah Persekutuan ini.

18. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Tahniah kepada Pemenang individu dan juga Sekolah yang berjaya membawa murid yang teramai ke Pertandingan ini. Semoga dengan pencapaian ini akan memberikan dorongan kepada sekolah untuk berkerjasama serta dapat mencungkil bakat pelajar dalam seni Lukisan. Ribuan terima kasih kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Tidak lupa juga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program kali ini.

19. Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum W.B.T.
Terima kasih.